

15.4.2026
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

PROJEK AIR KERAJAAN PERSEKUTUAN LEBIH RM800 JUTA UNTUK PULAU PINANG

- Ini termasuk saluran paip baharu bagi meningkatkan kapasiti pelepasan maksimum dari Empangan Mengkuang Diperbesarkan (EMD) daripada 600 JLH kepada 1,000 JLH semasa musim panas dan kering berpanjangan serta dalam situasi kecemasan Sungai Muda.

PULAU PINANG, Rabu, 15.4.2026: Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) PETRA kini giat merancang dan melaksanakan projek-projek air yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dengan anggaran kos keseluruhan melebihi RM800 juta di Pulau Pinang.

Bahagian Bekalan Air (BBA) kementerian sedang melaksanakan 5 projek berikut:

Projek	Kos anggaran (RM juta)	Sasaran Siap
1. Baraj baharu Sungai Muda di Rantau Panjang (Seberang Perai Utara – SPU)	175.0	2027
2. Projek akhir Pelan Pembesaran Empangan Mengkuang (MDEP): <ul style="list-style-type: none"> • Rumah Pam Air Mentah Lahar Yooi berkapasiti 440 juta liter sehari (JLH) berhampiran Terusan Sungai Dua, SPU; dan • Saluran paip air mentah “aliran dua hala” 400 JLH dari Lahar Yooi ke Empangan Mengkuang Diperbesarkan (EMD) 	214.0	2028
3. Projek sumber air mentah di Sungai Kerian (Seberang Perai Selatan – SPS), berkaitan kajian kebolehlaksanaan pembesaran Empangan Bukit Panchor dan pembinaan skim takungan air pinggir sungai (TAPS)	419.0	Tarikh akan ditetapkan selepas kajian kebolehlaksanaan pada 2026
4. Kerja-kerja muka sauk air di Titi Kerawang dan Teluk Awak di Teluk		

Bahang (Daerah Barat Daya bahagian pulau), termasuk pemasangan saluran paip baharu dari Titi Kerawang ke Empangan Teluk Bahang	26.5	2029
5. Kajian komprehensif ke atas sumber air mentah bagi bekalan air di Negeri Pulau Pinang	3.0	2029
Jumlah kos anggaran: (RM juta)	837.5	

Manfaat Utama

- **Rumah Pam Lahar Yooi berkapasiti 440 JLH** akan membolehkan pengisian semula EMD dengan lebih cekap dan pantas semasa musim hujan.

Air mentah dari rumah pam akan disalurkan ke EMD melalui **saluran paip aliran dua hala 400 JLH** baharu semasa musim hujan.

Sebaliknya, semasa musim kering (dan situasi kecemasan), saluran paip ini boleh digunakan untuk melepaskan lebih banyak air dari empangan. Ia akan meningkatkan kapasiti pelepasan maksimum EMD ke Terusan Sungai Dua (yang mengalir ke Loji Rawatan Air Sungai Dua) daripada 600 JLH kepada 1,000 JLH.

Oleh yang demikian, pelaksanaan kedua-dua projek ini akan mengoptimumkan fungsi EMD sebagai sumber air mentah “sandaran” bagi Sungai Muda. Dengan komponen akhir MDEP ini, PBAPP akan dapat meminimumkan risiko gangguan bekalan air seluruh negeri sekiranya berlaku sebarang insiden di Sungai Muda.

- Baraj baharu Rantau Panjang akan menggantikan baraj lama yang telah beroperasi sejak 1973. Fungsi utamanya adalah untuk menghalang kemasukan air laut ke hulu sistem Sungai Muda serta mengawal paras air sungai. Ia juga akan membolehkan abstraksi air dari Sungai Muda dilakukan dengan lebih efisien dan efektif di muka sauk Lahar Tiang Pulau Pinang serta 10 loji rawatan air di Kedah dan 8 sistem pengairan.
- **Pembesaran Empangan Bukit Panchor** serta pembinaan **TAPS Sungai Kerian** akan meningkatkan perkhidmatan bekalan air di SPS sehingga projek air antara negeri Perak–Pulau Pinang (P-PWP) beroperasi sepenuhnya.
- Kerja-kerja air di **Titi Kerawang, Teluk Awak dan Empangan Teluk Bahang** akan membolehkan empangan diisi semula dengan lebih cepat semasa musim hujan, sekali gus meningkatkan prestasinya sebagai sumber air mentah penting di daerah barat daya bahagian pulau.

- **Kajian baharu mengenai sumber air mentah** akan menjadi asas dan/atau rujukan terkini untuk projek-projek bekalan air masa hadapan di Negeri Pulau Pinang.

Sila ambil maklum bahawa projek-projek air Kerajaan Persekutuan ini merupakan projek berasingan yang dilaksanakan selain daripada **Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP 2030) PBAPP** bernilai **RM2.1 bilion** serta projek **P-PWP**.

Penghargaan

Bagi pihak PBAPP, saya mengucapkan terima kasih kepada BBA di PETRA kerana bersetuju melaksanakan projek-projek air tambahan untuk Pulau Pinang.

Kami akan terus memberikan sokongan penuh kepada projek air Persekutuan kerana Pulau Pinang pada asasnya adalah negeri yang menghadapi tekanan sumber air yang terhad, namun mempunyai potensi sosioekonomi yang tidak terhad.

Marilah kita terus bekerjasama untuk mencapai jaminan bekalan air bagi Pulau Pinang, selaras dengan visi Penang2030 iaitu “negeri pintar dan hijau berteraskan keluarga inspirasi negara.”

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my